

# Pelajar UPM dikuarantin stabil

**SERDANG** – Seorang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diarah pulang untuk menjalani proses kuarantin di rumah setelah didapati berisiko positif selepas selesai menjalani ujian saringan di kampus itu kelmarin, kini disahkan stabil.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, Hospital Kuala Lumpur telah mengesahkan pelajar terbabit tidak positif selepas selesai dan pihaknya telahpun mengarahkan pelajar terbabit mendaftar di kampus itu hari ini.

“Kita difahamkan pelajar ini telah kembali stabil dan dia diminta kembali ke Pusat Kesihatan UPM untuk mendapatkan pengesahan perubatan sebelum mendaftar di UPM,” katanya kepada pemberita di sini semalam.